



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA MENGENAI PENYEDIAAN RUANG KHAS UNTUK  
PENGAMAL MEDIA BAGI KES BERPROFIL TINGGI**

Berikut adalah kenyataan rasmi oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) berkenaan penyediaan ruang khas untuk pengamal media yang membuat laporan perbicaraan kes kematian warga Korea Utara, Kim Chol (atau didakwa sebagai Kim Jong-nam) di Mahkamah Tinggi Shah Alam (selepas ini dirujuk sebagai “kes berkenaan”).

Y.A.A. Tun Raus Sharif, Ketua Hakim Negara semasa ucapan beliau dalam Majlis Bicara Makan Tengah Hari Y.A.A. Ketua Hakim Negara bersama Editor dan Pengamal Media pada 10 Oktober 2017 di Hotel Hilton Kuala Lumpur, Y.A.A Tun telah mengarahkan agar satu ruang khas disediakan bagi pengamal media yang membuat laporan bagi kes-kes berprofil tinggi. Y.A.A Tun memahami kekangan yang dihadapi oleh pengamal media berikutan ruang Mahkamah yang sempit dan terhad.

Sehubungan itu mulai 11 Oktober 2017, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menyediakan satu ruang khas di Aras 1, Sayap Kiri Kompleks Mahkamah Shah Alam untuk pengamal media yang membuat laporan kes berkenaan. Ruang tersebut yang boleh menempatkan seramai 40 pengamal media, turut dilengkapi dengan peralatan *live feed* yang membolehkan pengamal media mengikuti prosiding perbicaraan sama seperti di Mahkamah terbuka.

Bagi memastikan laporan perbicaraan kes tersebut berjalan dengan lancar, **PKPMP dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menyediakan garis panduan penggunaan ruang khas tersebut**. Pengamal media yang membuat laporan di dalam ruangan khas tersebut adalah dianggap seperti berada di Mahkamah Terbuka.

Oleh itu, pengamal media haruslah mematuhi etika dan peraturan yang sama seperti di Mahkamah Terbuka yang biasa. Para pengamal media juga tidak dibenarkan untuk membawa sebarang peralatan rakaman dan tidak dibenarkan untuk merakam audio dan visual perbicaraan yang sedang berjalan dan tidak dibenarkan untuk membawa makanan dan minuman serta makan dan minum di dalam bilik tersebut. Pihak PDRM akan berada di Kaunter Pendaftaran Media yang disediakan di luar ruang khas tersebut bagi menjaga pendaftaran dan kemasukan media.

Usaha ini adalah salah satu langkah proaktif yang diambil oleh PKPMP bagi memastikan penyampaian perkhidmatan keadilan boleh dibuat secara meluas kepada semua masyarakat dan orang awam. PKPMP juga sentiasa terbuka menerima cadangan dan input penambahbaikan bagi memperkasa pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan keadilan untuk memartabatkan Badan Kehakiman Malaysia.

**Unit Komunikasi Korporat**

Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman, Putrajaya

16 Oktober 2017